Ho Shee Jan lwn Emas Nominees Sdn Bhd & Ors

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO D4–22–2763 TAHUN 1999
WAN ADNAN MUHAMAD H
13 JUN 2002

Acara Sivil — Pengurusan kes — Persidangan pra-perbicaraan — Kegagalan untuk mematuhi arahan — Kegagalan plaintif untuk mengambil sebarang tindakan — Sama ada mahkamah mempunyai budi bicara untuk membatalkan tindakan plaintif — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 34 k 7

Plaintif telah menuntut ganti rugi am terhadap defendan-defendan kerana satu kemungkiran amanah berkenaan dengan pemindahan saham-saham Golden Lady (M) Sdn Bhd dan juga satu deklarasi bahawa beliau adalah pemilik sah saham-saham tersebut. Dalam pembelaannya, defendan-defendan telah menafikan dakwaan tersebut dan menyatakan bahawa plaintif tidak pernah menjadi tuanpunya yang sah atau mempunyai kepentingan benefisial ke atas saham-saham tersebut. Plaintif memfailkan tindakannya pada 12 Oktober 1999. Pada 3 Ogos 2001, plaintif serta defendan-defendan telah hadir untuk pengurusan kes pertama dan mahkamah telah memberi tarikh 16 Oktober 2001 sebagai hari pengurusan kes kedua bagi membolehkan mahkamah mendapatkan maklumbalas fakta-fakta yang dipersetujui. Pada 16 Oktober 2001, mahkamah telah memberi tarikh 19 Februari 2002 untuk pengurusan kes ketiga bagi kedua-dua pihak mendapat fakta yang jelas. Pada hari pengurusan kes ketiga, mahkamah telah membuat arahan supaya pihak-pihak memfailkan fakta yang dipersetujui dan tarikh 18 April 2002 diberi untuk pengurusan kes ke-empat. Defendan-defendan memaklumkan kepada mahkamah bahawa arahan-arahan yang dibuat pada 16 Oktober 2001 dan 19 Februari 2002 telah mereka patuhi tetapi pihak plaintif tidak memfailkan apa-apa. Defendan-defendan memohon mahkamah membatalkan tindakan plaintif di bawah peruntukan A 34 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Persoalannya sekarang adalah sama ada mahkamah mempunyai budi bicara untuk membatalkan tindakan plaintif.

Diputuskan:

(1) Mahkamah diperuntukkan dengan budi bicara mutlak untuk mengambil tindakan susulan supaya hasrat peruntukan A 34 KMT tersebut tercapai. Ini terbukti dengan kewujudan sanksi (sanction) di bawah peruntukan A 34 k 7 KMT (lihat A 34 k 3 KMT mengenai ketidakhadiran pihak-pihak) bagi menangani situasi seperti dalam fakta kes ini. Perlakuan plaintif jelas melengahkan pelupusan kes. Sepatutnya plaintiflah yang mesti bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tindakannya. Daripada kronologi, jelas tingkahlaku pihak plaintif memperlihatkan ketidaksungguhan atau memperlekehkan proses prosiding pengurusan kes bagi

tujuan mempercepatkan pendengaran tindakan dengan kehadiran peguam plaintif yang berlainan silih berganti pada setiap tarikh prosiding pengurusan kes (lihat ms 379B–D).

(2) Kes telah difailkan dalam tahun 1999. Oleh yang demikian, jika mahkamah tidak membuat apa-apa sanksi atas tingkahlaku pihak plaintif maka mahkamah gagal menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dalam melaksanakan hasrat A 34 KMT. Defendan-defendan telah mematuhi arahan yang diberikan dan plaintif telah gagal untuk mematuhinya maka ia dianggap kelengahan oleh pihak plaintif dalam mempercepatkan pelupusan kes. Justeru itu, perintah membatalkan writ saman wajar diberi berdasarkan fakta kes dan tingkahlaku pihak plaintif mengikut peruntukan A 34 k 7 KMT (lihat ms 379H–380A).

[English summary

The plaintiff claimed general damages against the defendants for breach of trust concerning a transfer of Golden Lady (M) Sdn Bhd shares and a declaration that he is the lawful owner of the said shares. In their defence, the defendants denied the allegations dan stated that the plaintiff was never the lawful owner or had any beneficial right to the said shares. The plaintiff filed his action on 12 October 1999. On 3 August 2001, the plaintiff and the defendants attended the first case management and the court gave 16 October 2001 has the date for the second case management to enable the court to get feedback on the agreed facts. On 16 October 2001, the court gave 19 February 2002 as the date for the third case management for both parties to get clear facts. On the date of the third case management, the court made orders that the parties file the agreed facts and 18 April 2002 was given as the date for the fourth case management. The defendants informed the court that the instructions made on 16 October 2001 and 19 February 2002 have been followed, but the plaintiff has not filed anything. The defendants applied to the court to strike out the plaintiff's action under O 34 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'). The question before the court is whether the court has the jurisdiction to strike out the plaintiff's action.

Held:

(1) The court is provided with conclusive jurisdiction to take follow-up action so that the purpose of O 34 of the RHC is achieved. This is proved by the existence of the sanction under the provision of O 34 r 7 of the RHC (see O 34 r 3 of the RHC on parties' absence) to handle situations like the facts of the instant case. The plaintiff's conduct was clearly delaying the disposal of this case. The plaintiff should try his best to settle his action. From the chronology of the case, it was clear that the plaintiff's conduct displayed a lack of interest or urgency in the case management proceedings to speed up the hearing of the action with the

presence of the plaintiff's lawyer, who was a different lawyer on each case management date (see p 379B–D).

(2) This case was filed in 1999. Thus, if the court did not impose any sanctions upon the plaintiff's conduct then the court would have failed to carry out its responsibilities entrusted to it in carrying out the intention of O 34 of the RHC. The defendants had complied with the order that was given and the plaintiff failed to comply with the order and this should be presumed to be an act of delaying the speedy disposal of the case by the plaintiff. Hence, the order setting aside the writ of summons should be given based upon the facts of the case and the conduct of the plaintiff following O 34 of the RHC (see pp 379H–380A).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pengurusan kes, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 1364.

Kes-kes yang dirujuk

Lam Kong Company Ltd v Thong Guan Co Pte Ltd [2000] 1 MLJ 129 (dirujuk)

Tenaga Nasional Bhd v Provak Sdn Bhd & Anor [2000] 1 CLJ 553 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Had Masa 1953

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 34 k 3, 4, 7, A 92 k 4

Belinda Mak (*Lee Ong & Kandiah*) bagi pihak plaintif.

Jennifer Chandran (*Vaasan Chan & Chandran*) bagi pihak defendan-defendan satu dan tiga.

Shanaz Omar (*Sivananthan*) bagi pihak defendan dua.

Wan Adnan Muhamad H: Pada 18 April 2002, saya telah membatalkan tindakan plaintif (L1) dengan kos kerana pihak plaintif tidak mematuhi arahan mahkamah semasa prosiding pra-perbicaraan untuk pengurusan kes di bawah A 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT').

Latarbelakang kes

Tuntutan plaintif ialah untuk ganti rugi am terhadap defendan pertama atas dakwaan suatu kemungkiran amanah berkenaan dengan pemindahan 675,340 saham-saham Golden Lady (M) Sdn Bhd. Saham-saham berkenaan dikatakan telah dipindah kepada defendan ketiga tanpa pengetahuan plaintif. Terhadap defendan kedua, plaintif memohon suatu deklarasi bahawa plaintif adalah pemilik sah saham-saham tersebut. Plaintif menuntut ganti rugi am terhadap defendan ketiga yang dikatakan berkomplot yang menjejaskan plaintif.

A Dalam pembelaannya, defendan-defendan telah menafikan dakwaan plaintif dan menyatakan bahawa plaintif tidak pernah menjadi tuanpunya yang sah atau mempunyai kepentingan benefisial atas saham-saham berkenaan.

Defendan kedua dan ketiga telah memplid tuntutan had masa di bawah B peruntukan Akta Had Masa 1953. Di samping itu, defendan pertama ada membuat tuntutan balas untuk sijil-sijil saham No 33, 34 & 35. Tindakan plaintif difailkan pada 12 Oktober 1999.

Sebelum saya memberi alasan kenapa tindakan plaintif dibatalkan dengan kos, saya akan perturunkan kronologi ringkas (secara terperinci sila lihat nota prosiding) supaya mendapat gambaran jelas. Jika fakta sudah jelas C maka pemakaian prinsip undang-undang juga menjadi jelas.

Pada 3 Ogos 2001 iaitu hari pengurusan kes pertama, peguam plaintif CS Hoe serta Jennifer Chandran bagi pihak defendan satu dan tiga dan Charmaine Chow bagi defendan dua hadir. Saya telah memberi tarikh pengurusan kes kedua bagi membolehkan mahkamah mendapat D maklumbalas setakat mana pihak-pihak mempersetujui fakta-fakta. Tarikh 16 Oktober 2001 diberi.

Di hari pendengaran prosiding pengurusan kes kedua pada 16 Oktober 2001 peguam yang sama juga hadir kecuali pihak plaintif diwakili oleh Danny Yap. Mahkamah memberi tarikh 19 Februari 2002 untuk E pengurusan kes ketiga atas permohonan kedua-dua belah pihak supaya mereka mendapat fakta yang jelas.

Pada 19 Februari 2002, Eric Siew pula menghadiri bagi pihak plaintif manakala peguam-peguam yang sama hadir bagi pihak defendan-defendan. Pada hari tersebut, saya membuat arahan supaya pihak-pihak memfailkan fakta yang dipersetujui dan tarikh 18 April 2002 diberi untuk pengurusan F kes ke-empat.

Pada 18 April 2002, peguam plaintif yang lain pula hadir iaitu Belinda Mak sementara peguam defendan satu dan tiga yang sama hadir. Defendan dua diwakili oleh Shanaz Omar.

Peguam defendan satu dan tiga memberitahu mahkamah bahawa pihak G defendan telah menyerah dokumen-dokumen yang dipersetujui dan tidak dipersetujui dan menunggu jawapan pihak plaintif. Beliau memberitahu bahawa arahan yang dibuat pada 16 Oktober 2001 dan 19 Februari 2002 dipatuhi oleh defendan-defendan.

Peguam defendan dua juga memberitahu mahkamah bahawa pihak H defendan dua telah memfail ikatan pada 7 Februari 2002 tetapi pihak plaintif tidak memfailkan apa-apa.

Peguam plaintif mengesahkan apa yang didakwa oleh peguam-peguam defendan. Peguam plaintif memohon tarikh lain untuk pengurusan kes kelima dan mendapat arahan plaintif serta hendak minta arahan untuk I selesai.

Peguam-peguam defendan memohon mahkamah membatalkan tindakan L1 di bawah peruntukan A 34 KMT.

Ekoran daripada itu, saya telah membatalkan L1 dengan kos. Saya membuat perintah sedemikian adalah berdasarkan budi bicara yang diberi; di bawah peruntukan A 34 k 7 KMT. Bagi pengetahuan bersama, saya paparkan peruntukan KMT yang berkenaan (dengan izin):

> Aturan 37 kaedah 7
>
> If any party to an action fails to comply with any direction given by the judge at any pre-trial conference, such order may be made against the defaulting party by the judge as meets the ends of justice.

Daripada peruntukan tersebut jelas mahkamah mempunyai budi bicara mutlak untuk menegakkan keadilan dengan membuat apa-apa perintah yang sesuai bagi mencapai matlamat tersebut (as meets the ends of justice).

Sebelum saya memperkatakan alasan yang lebih lanjut, saya ingin mengimbas rasional di sebalik penggubalan A 34 KMT. Aturan tersebut diwujudkan bagi mengatasi kelewatan dalam proses pelupusan kes di Mahkamah Tinggi. Sebelum A 34 KMT diwujudkan peranan mahkamah diibaratkan sebagai peranan sampingan (backstage) sahaja. Justeru itu, kelicinan prosiding sesuatu kes bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pihak-pihak dalam tindakan terutama pihak yang membawa tindakan. Ini ditambah pula dengan kehendak beberapa peruntukan KMT yang patut dipenuhi sebelum kes boleh ditetapkan untuk bicara. Memandangkan situasi sedemikian, Jawatankuasa Kaedah (Rule Committee) telah menggubal peruntukan di bawah A 34 KMT yang berkuatkuasa pada 22 September 2000 bagi mengatasi masalah berkenaan (sila lihat PU(A) 342/2000).

Tujuan A 34 KMT ialah untuk membolehkan mahkamah memainkan peranan yang aktif supaya pelupusan kes dapat disingkatkan. Proses tersebut ialah melalui prosiding pengurusan kes (case management). Di dalam prosiding di bawah A 34 KMT, pihak-pihak dikehendaki hadir bagi mendapatkan arahan dari mahkamah untuk apa-apa langkah yang perlu diambil oleh pihak-pihak bagi memendekkan dan mempercepatkan perbicaraan serta menjimatkan kos (sila lihat A 34 k 4 KMT).

Pada 16 Oktober 2001, mahkamah telah memberi arahan supaya kedua pihak memfailkan fakta yang dipersetujui dan isu yang mahu mahkamah putuskan dan mahkamah menetapkan tarikh prosiding pengurusan kes kali ketiga bagi membolehkan mahkamah menimbangkan langkah-langkah selanjutnya yang patut diambil. Pada hari tersebut, kesemua peguam plaintif dan defendan-defendan telah hadir dan menerima arahan yang diberi.

Pada hari pendengaran prosiding pengurusan kes kali ketiga pada 19 Februari 2002, mahkamah diberitahu bahawa pihak-pihak akan memfailkan penyataan fakta yang dipersetujui. Adalah jelas di sini bahawa pihak plaintif gagal untuk mengambil sebarang tindakan atau mematuhi arahan yang diberikan pada 16 Oktober 2001. Pada hemat saya, masa empat bulan iaitu dari 16 Oktober 2001 hingga 19 Februari 2002 adalah memadai dan mencukupi untuk plaintif memfailkan cadangan penyataan fakta yang dipersetujui. Walaupun begitu, demi keadilan kepada kesemua

pihak, mahkamah telah menetapkan tarikh selanjutnya untuk prosiding pengurusan kes bagi kali keempat iaitu pada 18 April 2002.

Pada hari pendengaran prosiding pengurusan kali ke-empat, mahkamah diberitahu bahawa pihak plaintif hingga ketika itu tidak mematuhi arahan mahkamah seperti yang diberikan pada 16 Oktober 2001 dan 19 Februari 2002. Dalam keadaan ini, apakah jalan yang wajar diambil oleh mahkamah? Adakah mahkamah secara automatik terus memberi tarikh yang lain bagi membolehkan plaintif mematuhi arahan tersebut? Pada hemat saya, mahkamah tidak wajar memberi penangguhan hanya bagi membolehkan pihak plaintif mematuhi arahan mahkamah kerana ia akan bertentangan dengan hasrat peruntukan A 34 KMT tersebut. Mahkamah diperuntukkan dengan budi bicara mutlak untuk mengambil tindakan susulan supaya hasrat peruntukan A 34 KMT tersebut tercapai. Ini terbukti dengan kewujudan sanksi (sanction) di bawah peruntukan A 34 k 7 KMT (sila lihat A 34 k 3 KMT mengenai ketidakhadiran pihak-pihak) bagi menangani situasi seperti dalam fakta kes ini kerana pada hemat saya, Jawatankuasa Kaedah sudah menjangka situasi sedemikian. Perlakuan plaintif jelas melengahkan pelupusan kes. Sepatutnya plaintiflah yang mesti bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tindakannya. Daripada kronologi, jelas tingkahlaku pihak plaintif memperlihatkan ketidaksungguhan atau memperlekehkan proses prosiding pengurusan kes bagi tujuan mempercepatkan pendengaran tindakan dengan kehadiran peguam plaintif yang berlainan silih berganti pada setiap tarikh prosiding pengurusan kes. Pada 18 April 2002, peguam plaintif masih belum mendapat arahan plaintif.

Saya peka dengan prinsip undang-undang bagaimana mahkamah harus menggunakan budi bicara. Saya amati bahawa budi bicara tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya (arbitrally). Ia hendaklah berlandaskan prinsip undang-undang. Sehubungan itu, dalam kes ini, budi bicara harus digunakan untuk menegakkan keadilan. Jika saya tidak menggunakan budi bicara yang diperuntukkan terhadap plaintif sudah tentu peruntukan A 34 KMT tidak membawa erti dan mahkamah tidak dapat memainkan peranan utama seperti yang dihasratkan oleh penggubal peruntukan A 34 KMT. Prosiding pengurusan kes adalah sebahagian daripada proses perbicaraan kes. Ia adalah prosiding pra perbicaraan. Notis borang 63 di bawah A 34 KMT bukan notis temujanji secara administratif. Ia adalah notis prosiding mahkamah untuk memastikan kehadiran pihak-pihak dan juga pematuhan terhadap arahan yang telah diberikan bagi tujuan pengurusan kes. Mahkamah harus tidak segan silu dalam menggunakan budi bicara terhadap mana-mana pihak yang difikirkan perlakuan mereka boleh melambatkan pelupusan kes.

Kes telah difailkan dalam tahun 1999. Oleh yang demikian, jika mahkamah tidak membuat apa-apa sanksi atas tingkahlaku pihak plaintif maka mahkamah gagal menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dalam melaksanakan hasrat A 34 KMT. Defendan-defendan telah mematuhi arahan yang diberikan dan plaintif telah gagal untuk mematuhinya maka ia dianggap kelengahan oleh pihak plaintif dalam mempercepatkan pelupusan kes. Justeru itu, perintah membatalkan writ

saman wajar diberi berdasarkan fakta kes dan tingkahlaku pihak plaintif mengikut peruntukan A 34 k 7 KMT. Seperkara lagi perintah yang dibuat bukanlah berdasarkan merit. Ia dibuat berdasarkan kegagalan pihak plaintif untuk mematuhi arahan mahkamah. Ini bermakna ia bukan perintah muktamad yang telah disempurnakan malah pihak plaintif masih boleh membuat permohonan untuk menghidupkan atau mengenepikan perintah tersebut kerana ia diberikan tanpa mempertimbangkan merit kes ini dan mahkamah tidak menjadi functus officio (sila lihat *Tenaga Nasional Bhd v Provak Sdn Bhd & Anor* [2000] 1 MLJ 479). Ini bermakna plaintif belum kehabisan remedi. Adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah jika seseorang tidak menghabiskan remedi di mahkamah perbicaraan sebelum merayu ke Mahkamah Rayuan kerana ia akan melibatkan peningkatan kos dan juga membazirkan masa kerana remedi yang diperlukan masih boleh didapati di mahkamah perbicaraan (sila lihat kes *Lam Kong Company Ltd v Thong Guan Co Pte Ltd* [2000] 1 MLJ 129 sebagai perbandingan). Di bawah A 92 k 4 KMT, mahkamah mempunyai budi bicara yang luas bagi menegakkan keadilan. Rasionalnya ialah Mahkamah Rayuan tidak akan memutuskan kes ini atas merit kes dan memberikan penghakiman muktamad yang memihak kepada plaintif. Jika Mahkamah Rayuan bersetuju untuk menghidupkan semula atau membenarkan rayuan untuk mengenepikan perintah pembatalan yang berkenaan, kes ini akan dihantar semula ke mahkamah perbicaraan untuk dibicarakan semula.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Ezatul Zuria Azhari